

18 NOV 1999

Ting-Lim

MCA SUDAH KENAL PASTI CALON PENGGANTI LIM AH LEK, KATA TING

IPOH, 18 Nov (Bernama) -- MCA sudah mengenal pasti calon yang akan menggantikan Timbalan Presidennya, Datuk Lim Ah Lek tetapi sebarang persetujuan mengenainya akan dibuat oleh Pengerusi Barisan Nasional Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agungnya, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata, calon yang akan mempertahankan kerusi parlimen BN di Bentong telah diserahkan bagi dibincangkan bersama oleh Presiden MCA Datuk Dr Ling Liong Sik dan Dr Mahathir.

"Nama itu (pengganti Lim Ah Lek) sepanjang pengetahuan saya telah diputuskan," katanya kepada pemberita selepas melawat kawasan parlimennya, Gopeng hari ini.

Lim, yang juga Menteri Sumber Manusia, mengatakan semalam bahawa beliau tidak mahu dicalonkan pada pilihan raya umum ini kerana ingin menumpukan perhatian kepada keluarga sekaligus mengumumkan persaraannya daripada arena politik.

Ting berkata, walaupun Lim telah mengumumkan persaraannya tetapi beliau tetap menjadi timbalan presiden MCA dan akan berjuang bersama-sama parti lain untuk mencapai kemenangan BN.

Katanya, ahli-ahli MCA seharusnya menghormati keputusan Lim dan tidak menjadikannya satu isu.

Sementara itu, beliau juga diminta mengulas mengenai kenyataan Pengerusi BN negeri Tan Sri Ramli Ngah Talib semalam yang menyuarakan kebimbangannya terhadap kerusi parlimen Ipoh Timur, Ipoh Barat dan Batu Gajah.

Calon MCA menguasai ketiga-tiga kerusi parlimen itu dengan mengalahkan calon-calon DAP pada pilhan raya umum pada tahun 1995.

"Saya menganggapnya sebagai satu dorongan kepada jentera BN di kawasan parlimen itu supaya bekerja dengan lebih gigih bagi mencapai kemenangan," katanya.

-- BERNAMA

MHI AKD